

# Pengeluaran beras perlu ditambah seiring pertumbuhan penduduk

NST 25.10.2016 5

**SANDAKAN:** Pengeluaran beras sekitar 71 peratus tahap sara diri (SSL-2015) dan bagi mengekalkan tahapnya Self Sufficiency Level atau SSL pada masa hadapan, pengeluaran perlu bertambah seiring dengan pertumbuhan penduduk.

Dalam hal ini, kaedah penanaman padi untuk penghasilan tinggi yang lestari seperti kaedah 'System of Rice Intensification (SRI) di samping peranan sektor pengairan dan saluran pertanian adalah amat penting untuk menjayakan hasrat tersebut.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Negeri, Datuk Seri Haji Yahya Hussin, berkata rakyat perlu diberikan kefahaman sepenuhnya betapa penting pembangunan infrastruktur seperti empangan dan sistem parit termasuk tali air pengairan yang mungkin menjejaskan kawasan kediaman atau kampung mereka demi masa depan kehidupan para petani serta keluarga mereka sendiri.

Beliau mengambil contoh pembangunan peniktarafan infrastruktur pengairan dan saluran kawasan penanaman padi di Kota Belud yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010 sebanyak RM42.9 juta telah diperuntukkan untuk tujuan agar penanaman padi akan dapat dilaksanakan dua kali setahun dengan anggaran pengeluaran hasil padi sebanyak 55,080 tan metrik setahun.

Katanya, dalam aspek bekalan daging ayam pula yang merupakan sumber protein termurah negara di mana Malaysia terpaksa mengimport sehingga 4 juta tan metrik jagung bijirin yang bernilai RM33.3 bilion setahun.

Jelasnya, kebergantungan pengimportan jagung bijirin ini turut memberikan kesan defisit dagangan agro makanan negara dan menyaksikan semenjak bulan Mei yang lalu, harga jagung import telah meningkat secara mendadak daripada RM800 kepada RM1,200 tan metrik.

"Kementerian melihat masalah kenaikan harga jagung dan kebergantungan kepada jagung bijirin import ini perlu diatasi dan dilihat sebagai potensi baru dalam bidang pertanian negara.

"Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia telah menjalankan projek perintis penanaman jagung bijirin di Skim Pengairan Kg Dadong di Kemaman, Terengganu yang meru-  
pakan kawasan luar jelapang dengan penanaman

sekali setahun.

"Jika model ini terbukti berjaya ... pihak Kementerian akan memperluaskan penanaman ke kawasan-kawasan luar jelapang yang menanam sekali setahun. Untuk itu, seluas 164,000 hektar kawasan telah dikenal pasti berpotensi bagi tujuan penanaman ini," ujarnya.

Yahya menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Serantau Pertanian Lestari 2016 sempena Sambutan Perayaan 10 Tahun Penubuhan Fakulti Pertanian Lestari di Dewan Fakulti Pertanian Lestari, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Sandakan, dekat sini, kelmarin.

Hadir sama Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah; Dekan Fakulti Pertanian Lestari UMS Kampus Sandakan, Profesor Dr. Wan Mohamad Wan Othman dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Persidangan ReCSA 2016, Profesor Ir. Dr. Mohd Amin Mohd Soom.

Mengulas lanjut, Yahya selaku Timbalan Ketua Menteri percaya para penyarah di fakulti berkenaan yang terdiri daripada pakar-pakar pertanian mampu menghasilkan idea-idea yang kreatif dan inovatif bagi menentukan kaedah pertanian yang lestari dan paling sesuai lagi efektif bagi penanaman bukan sahaja jagung bijirin tetapi juga ubi kayu, pisang, nanas dan buah-buahan lain untuk dieksport ke luar negara.

Menurut beliau, pihak jabatan dan agensi di bawah kementeriannya atau MAFI sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan para penyelidik UMS bagi menjayakan projek-projek kajian yang dapat memberikan manfaat kepada sektor pertanian di negeri ini.

Beliau berkata, dalam pembangunan Rancangan Malaysia Ke - 11 sektor pertanian secara keseluruhan dilihat signifikan dalam menyumbang kepada Keluaran Negara Kasar (GDP).

Katanya, Unit Perancang Ekonomi (EPU) meletakkan sasaran peningkatan daripada RM93 bilion pada tahun 2015 kepada RM110 bilion pada tahun 2020 dengan peningkatan sebanyak 3.5 peratus bagi tempoh 2016 sehingga 2020.

Tambahnya lagi, Jawatankuasa Pemandu Program Transformasi Ekonomi Negara juga mengiktiraf sektor pertanian sebagai salah satu



**TERTARIK ...** Yahya diberikan taklimat ringkas semasa melakukan lawatan ke booth-booth sejour menyempurnakan perasmian persidangan serantau itu.

daripada 12 Bidang Keutamaan Ekonomi Negara (NKEA).

"Sebanyak 16 projek permulaan dan 11 peluang pekerjaan di bawah NKEA Pertanian dijangkakan dapat memberikan sumbangan kepada peningkatan Pendapatan Kasar Negara atau GNI berjumlah RM21.44 bilion pada tahun 2020.

"Selain daripada itu, sebanyak 74,000 tambahan peluang pekerjaan dijangka dapat dicapai dalam tempoh tersebut," kata Yahya.

Yahya menambah bahawa Program Transformasi Ekonomi (ETP) menyasarkan pertambahan pendapatan kasar negara daripada RM23,000 perkapita pada tahun 2009 kepada RM48,000 perkapita pada tahun 2020.

Beliau berkata, perubahan iklim boleh menyebabkan kejadian banjir atau kemarau yang luar biasa justeru kita harus mencari kaedah dan juga menyediakan perancangan yang rapi untuk mengadaptasinya.

Katanya, iklim dunia yang sentiasa berubah memerlukan pengurusan sumber tanah dan air yang efektif maka dalam hal ini sistem pemuliharaan kesuburan tanah pertanian dan sumber air pengairan memainkan peranan yang besar bagi menghasilkan pengeluaran makanan yang mampan.

"Mengikut sumber Food and Agriculture Organization atau FAO lebih daripada 40 peratus peningkatan pengeluaran makanan datang dari kawasan yang disediakan dengan sistem pen-

gairan dan saluran.

"Hal yang demikian memerlukan kreativiti dan inovasi terhadap ilmu, teknologi, polisi dan pengurusan pertanian sedia ada. Saya percaya dan yakin dalam hal ini anda semua memainkan peranan yang utama dalam menyediakan platform bagi para penyelidik UMS yang mempunyai kepakaran dalam bidang agronomi, penjenteraan pertanian, sistem pengairan, akuakultur dan ternakan haiwan serta berbagai lagi yang mampu menghasilkan idea-idea dan juga memperkalkan teknologi-teknologi yang dapat diadaptasi dalam memodenkan sektor pertanian negara walaupun berhadapan dengan cabaran yang besar," jelasnya.

Yahya menyeru kepada para delegasi dan peserta persidangan ini untuk berkongsi ilmu dengan para petani, penternak dan nelayan di Sabah bagi mempraktikkan kaedah-kaedah baharu yang lestari dalam meningkatkan hasil pertanian sekali gus memberikan pulangan yang tinggi kepada negeri dan negara.

Beliau teruja dengan persidangan pada kali ini iaitu 'Kemakmuran Melalui Pertanian Lestari' atau 'Prosperity Through Sustainable Agriculture' yang akan membincangkan bagaimana usaha-usaha menjalankan aktiviti pertanian secara lestari atau mampan dapat memberikan kemakmuran kepada petani, penternak dan juga pengusaha perikanan. **-OLEH ROZZALIN HASHIM**